

Headline	Ceramah keganasan terhadap wanita		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	17 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	138,805
Page No	V4	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	371 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,560
Frequency	Daily	PR Value	RM 37,681



Ceramah keganasan terhadap wanita

Shah Alam: Persatuan Pelajar-pelajar Antarapersonal (INC), Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, mengadakan ceramah bertajuk 'Keganasan Terhadap Wanita: Jenayah Dalam Diam' dengan kerjasama Bukit Aman dan Ibu Pejabat Kontinjen Selangor, baru baru ini.

Penasihat INC, Massila Hamzah, ber-

kata program julung kali itu diharap dapat memberi kesedaran mengenai realiti jenayah membabitkan wanita sebagai mangsa, terutama dalam kes keganasan rumah tangga.

"Jenayah boleh berlaku di mana-mana sahaja tanpa disedari tetapi persediaan awal perlu dilakukan, terutama dengan mempelajari ilmu mempertahankan diri bagi menghindari mereka

daripada ancaman situasi berbahaya.

Demonstrasi

"Dalam konteks ini, keprihatinan, kesedaran dan sensitiviti harus bermula dari rumah, sementara masyarakat perlu peka dengan keadaan sekeliling, termasuk menjadi 'mata dan telinga' kepada pihak berkuasa mengenai sebarang keganasan yang berlaku di perseki-



Peserta tekun mendengar ceramah yang disampaikan oleh pegawai polis.



Peserta program ceramah 'Keganasan Terhadap Wanita: Jenayah Dalam Diam'.

“
JENAYAH
BOLEH BERLAKU
DI MANA-MANA
SAHAJA TANPA
DISEDARI”

Wakil Polis,
Bahagian
Siasatan Seksual,
Penderaan dan Kanak-
Kanak



taran mereka," katanya.

Beliau berkata, ceramah disampaikan oleh empat wakil polis daripada Bahagian Siasatan Seksual, Penderaan dan Kanak-Kanak (D11), Bahagian Siasatan Lain-lain Pemalsuan, Jabatan Siasatan Jenayah Komersial dan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik.

Selain itu, katanya, turut diadakan demonstrasi mengenai langkah yang perlu diambil oleh golongan wanita apabila berdepan dengan jenayah ragut, samun dan serangan seksual.